

JANGAN CAMPUR

MM 26 AUG 1984

ADUKKAN KUB

DENGAN POLITIK

- DR. MAHATHIR

SUBANGJAYA 25 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) supaya jangan mencampuradukkan kepentingan politik dengan urusan perniagaan.

Perdana Menteri mahu koperasi tersebut berusaha menjadi contoh kepada koperasi yang lain terutama koperasi bumiputera dan inenapai kejayaan setanding dengan kop-rasi anjuran badan politik yang lain seperti Multi-Purpose Holdings dan Maika Holdings.

Berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan keenam KUB di Hotel Subang Jaya View di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa perjalanan syarikat milik seumpama adalah lain dari syarikat-syarikat bukan milik politik.

Kadang-kadang bila kita terpaksa memakai dua topi, kita lupa bila kita jadi ahli politik dan bila pula kita harus menguruskan sesuatu perniagaan.

"Dalam kekeliruan itu, banyak perkara boleh berlaku, kadangkala dalam politik;

\$350 juta dan Maika \$100 juta.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa sesuatu perniagaan, tidak ada cara yang cepat untuk mendapat keuntungan tanpa pelaburan yang cekap dan tidak ada jaminan syarikat UMNO boleh mendatangkan keuntungan cepat.

Beliau juga mengingatkan betapa pentingnya sesebuah koperasi turut diuruskan oleh orang-orang yang berpengalaman kerana sejarah membuktikan kadangkala walaupun terdapat pengurusan yang jujur, tanpa pengalaman ia tidak dapat membawa keuntungan.

Terdahulu dari itu, Pengerusi KUB, Dato' Haji Harun, Idris dalam ucapannya memberitahu bahawa KUB telah mencapai kira-kira \$8.6 juta keuntungan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Katanya, akaun KUB bagi tahun lalu menunjukkan kerugian kerana sebahagian dari pelaburan usahasanya seperti projek Bukit Bangsar tidak dapat dimasukkan dalam akaun tersebut kerana projek berkenaan ditunda pada tahun ini.

syarikat diperalatkan dan dalam syarikat, pengaruh politik digunakan," tegas Perdana Menteri.

Katanya ahli-ahli kopcrasi hendaklah **berhati-hati** agar pihak pengurusannya mempunyai amanah dan menjalankan kegiatan dengan penuh tanggungjawab.

Dalam hubungan ini, segala tindak tanduk pengurusan "di bawah meja" hendaklah dielakkan agar tidak ada sebarang rahsia yang disembunyikan dari ahli hingga boleh menimbulkan perasaan **curiga**, kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Orang-orang yang diberi amanah dan tanggungjawab menguruskan koperasi tidak harus memikirkan apa yang mereka boleh dapat dari koperasi berkenaan tetapi sebaliknya hendaklah memikirkan apa sumbangan yang boleh diberi untuk memajukanya tidak kira apa jawatan yang dipegang termasuk jawatan Perdana Menteri," tegasnya lagi.

Beliau menambah, jika ahli-ahli hanya bertujuan untuk mengaut segala keuntungan yang ada, akibatnya koperasi tersebut tidak akan kekal lama.

"Saya sering mengingatkan diri saya kalau hendak duduk lama di kcrusi tertentu jangan fikir sangat soal keuntungan jangka pendek kerana hanya keuntungan jangka panjang sahaja mendatangkan manfaat," kata Perdana Menteri.

Dalam usaha memajukan koperasi itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pihak pengurusannya perlu membuat pelaburan berbentuk jangka panjang di samping menarik lebih ramai bilangan ahli. KUB kini mempunyai hampir 100,000 orang ahli dengan modal sejumlah \$12 juta berbanding dengan modal Multi-Purpose Holdings sebanyak.

Bagaimanapun, beliau berharap ahli-ahli UMNO akan terus mendaftarkan diri mereka sebagai ahli KUB kerana beliau yakin koperasi berkenaan akan berada di suatu tapak yang teguh dan akan bergiat dengan pesat lagi di masa-masa depan.